



INTERNATIONAL JOURNAL OF ENTREPRENEURSHIP AND MANAGEMENT PRACTICES (IJEMP)

www.ijemp.com



IMPLIKASI AMALAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT BERASASKAN KAEDAH AL-UMŪR BI MAQĀṢIDIHĀ

IMPLICATIONS OF CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY PRACTICES BASED ON THE AL-UMŪR BI MAQĀṢIDIHĀ METHOD

Sharifah Nurulhuda S Ab Latif ^{1*}, Saadiah Mohd², Siti Fazidatul Zahariah Mat Salleh ³

¹ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah
Email: sharifahnurulhuda@usas.edu.my

² Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah
Email: saadiah@usas.edu.my

³ Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam dan Sains Sosial (FPISS), Universiti Sultan Azlan Shah
Email: fazidatul@usas.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

To cite this document:

Latif, S. N. A. A., Mohd, S., & Salleh, S. F. Z. M. (2024). Implikasi Amalan Tanggungjawab Sosial Korporat Berasaskan Kaedah Al-Umūr Bi Maqāṣidihā. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 7 (25), 355-366.

DOI: 10.35631/IJEMP.725029.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



Abstrak:

Pelaksanaan suatu ibadah harus didasari dengan niat. Niat merupakan suatu ketetapan hati untuk melakukan suatu tindakan atau perbuatan. Konsep niat dalam perniagaan korporat mampu memenuhi keperluan masyarakat dan tuntutan agama. Kajian ini adalah bertujuan mengkaji nilai ibadah dalam tanggungjawab sosial korporat (*Corporate Social Responsibility*) dari sudut filantropi dengan mengaplikasikan kaedah *al-umūr bi maqāṣidihā*. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif dan dianalisis menggunakan analisis dokumen. Filantropi juga sering kali dikaitkan dengan sikap dermawan atau suka membantu yang bersifat jangka panjang sinonim dengan konsep wakaf dalam Islam yang lebih tertumpu kepada pemberian jangka panjang yang menuju kepada akar permasalahan iaitu penyebab kepada kemiskinan atau ketidaksetaraan serta memberi manfaat berpanjangan di dunia dan akhirat. Namun, sejauh manakah nilai perbuatan-perbuatan harus seperti pelaksanaan CSR dari sudut filantropi tersebut boleh diiktiraf menjadi satu ibadah di sisi Allah s.w.t? Hasil dapatan kajian mendapati bahawa niat pelaksanaan CSR dengan mengharapkan manfaat duniawi yang tidak bertentangan dengan Syariat, mengikut kepada konsep *tasyrīk fī al-niyyah* antara ibadah dengan perkara yang harus tidak menjadi bersalahan dengan syarak melainkan syarat menjadi keutamaan niat dengan tujuan dan matlamat mencari keredaan Allah s.w.t mengatasi niat untuk mendapat keuntungan atau manfaat dunia.

Kata Kunci:

Tanggungjawab Sosial Korporat, Filantropi, CSR, Niat

Abstract:

The implementation of an act of worship must be based on intention. Intention is a decision of the heart to do an action or deed. The concept of intention in corporate business is able to meet the needs of society and religious demands. This study aims to examine the value of worship in corporate social responsibility (Corporate Social Responsibility) from the perspective of philanthropy by applying the *al-umūr bi maqāṣidihā* method. The methodology of this study is qualitative and analyzed using document analysis. Philanthropy is also often associated with a philanthropic or helpful attitude that is long-term synonymous with the concept of waqf in Islam, which is more focused on long-term giving that leads to the root of the problem, which is the cause of poverty or inequality, and provides long-lasting benefits in this world and the hereafter. However, to what extent should the value of actions such as the implementation of CSR from the perspective of philanthropy be recognized as an act of worship in the eyes of Allah s.w.t? The results of the study found that the intention of implementing CSR with the expectation of worldly benefits that do not conflict with the Sharia, according to the concept of *tasyrīk fī al-niyyah* between worship and things that should not be an offense with the Sharia but rather the condition is the priority of the intention with the purpose and goal of seeking the pleasure of Allah s.w.t overcome the intention to gain or benefit from the world.

Keywords:

Corporate Social Responsibility, Philanthropy, CSR, Intention

Pengenalan

Niat dilihat sebagai satu rangsangan dan galakan bagi memastikan kesinambungan penglibatan sektor korporat terhadap CSR, antaranya dalam sektor pengajian tinggi negara (Muhammad Adam Senin et al., 2019). Pemberian subsidi untuk sebarang inisiatif CSR dan institusi dari pihak kerajaan akan menggalakkan sektor swasta melibatkan diri dalam program CSR. Ibadah yang dilaksanakan harus dilandasi dengan niat yang ikhlas dalam segala bentuk ibadah dan pekerjaan yang dilakukan dengan mempunyai niat ikhlas semata-mata kerana Allah s.w.t. Hal ini dimaksudkan untuk menghindari sifat riyak yang dapat memberi kesan terhadap urusan ibadah seseorang. Pelaksanaan CSR seumpama ini diistilahkan oleh para ulama sebagai amalan-amalan adat kebiasaan atau perkara-perkara yang harus (mubah). Niat yang didasari dengan nilai agama merupakan salah satu faktor yang boleh mempengaruhi sikap eksekutif dan sumbangan korporat melalui tanggungjawab sosial melalui amalan filantropi seperti infak, wakaf, zakat dan *al-qard al-hasan*. CSR bukan sahaja memberi manfaat kepada masyarakat, malah ia dilihat sebagai pendekatan strategik untuk meningkatkan reputasi syarikat dan daya saing (Cherian et al., 2019) kewangan dan keuntungan syarikat (Muhammad Adam Senin et al., 2019). Model CSR yang diamalkan dalam sektor korporat dilihat berjaya kerana adanya elemen rangsangan seperti *tax deduction*. Namun, dalam dunia Islam, wakaf yang bernilai ibadah dan didorong oleh rangsangan pahala belum mampu menjadikan umat Islam di Malaysia sebagai penyumbang kekal wakaf terutamanya dalam kalangan korporat. Keperluan kajian ini adalah bertujuan mengkaji nilai ibadah dalam CSR dari sudut filantropi dengan mengaplikasikan kaedah *al-umūr bi maqāṣidihā*. Secara amnya, CSR diberikan dalam bentuk

sumbangan, namun, masih kurang jelas ketetapan berkaitan jenis atau bentuk pelaksanaan CSR yang bersesuaian untuk pemberian rebat cukai. Penilaian elemen niat dalam kaedah *al-umūr bi maqāṣidihā* berkait rapat dengan aspek kerohanian.

Sorotan Literatur

Teori Niat antara Barat dan Islam

Kebanyakan kajian berkaitan niat mengguna pakai Teori Kelakuan Terancang (*Theory Planned Behaviour*, TPB). Elemen niat dalam TPB lebih kepada andaian di mana mempunyai kebebasan bertindak tanpa batasan (Abdullah, 2021). Adapun kebebasan memilih wujud dalam Islam, seperti bebas dari sudut kehendak dan membuat keputusan (Mohd Syahmir Alias et al., 2019), namun, ilmu pengetahuan yang akan memandu individu Muslim membuat keputusan selari dengan prinsip *al-āmr bi al-ma'rūf wa nahi al-munkar*. Selain itu, dalam perspektif Syariah, konsep niat telah dikaji dari perspektif agama semata-mata dan ia diperolehi daripada prinsip-prinsip teoritikal sahaja melalui TPB. Kebanyakan kajian kontemporari, penulis menggunakan teori barat seperti TPB dalam menilai niat dalam tingkah laku. Niat hanya bertindak sebagai mediator di mana pembentukan niat terdiri daripada sikap, norma subjektif dan kawalan tingkah laku dalam TPB (Chew, 2018). Dalam teori ini juga, dasar niat berpaksikan individu atau pandangan orang lain dan ada kalanya dalam pembentukan tingkah laku ini boleh berlaku tanpa niat. Jadual 1 menunjukkan secara ringkas berkaitan perbezaan teori niat dalam TPB dan kaedah fiqh.

Perbezaan	Teori Tingkah Laku Terancang	Kaedah <i>al-umūr bi maqāṣidihā</i>
Kedudukan niat	Menjadi perantaraan kepada faktor pendorong	Faktor utama dalam sesuatu perbuatan dan tingkah laku
Pembentukan niat	Sikap terhadap tingkah laku tertentu, norma subjektif, dan kawalan tingkah laku .	Ilmu, kehendak dan kemampuan
Dasar Niat	Berpaksikan individu	Mengharapkan keredhaan Allah S.W.T
Kesan niat	Seseorang itu perlu melakukan atau tidak melakukan sesuatu tingkah laku bergantung kepada kepercayaan individu terhadap sesuatu, malah tindakan boleh berlaku tanpa adanya faktor niat.	Ibadah boleh diterima sekiranya menepati niat syarat: Ikhlās kerana Allah S.W.T Menepati hukum syarak

Jadual 1 Perbezaan Niat dalam Teori Tingkah Laku Terancang dan Kaedah *Al-umūr Bi Maqāṣidihā*

Hakikatnya, niat mempunyai kedudukan penting dalam kajian Islam, khususnya kajian berkaitan fiqh. Para ulama telah menyenaraikan pelbagai prinsip atau kaedah fiqh yang boleh menjadi panduan umat dalam mendepani cabaran semasa dan masa hadapan berdasarkan rujukan dalil-dalil daripada al-Quran dan al-Sunnah (Sahid, 2020). Kaedah-kaedah fiqh ini diambil dan dirumuskan oleh para ulama bagi tujuan memudahkan rujukan mengetahui hukum-hakam bagi persoalan yang baharu. Antara kaedah yang utama adalah kaedah fiqh *al-umūr bi maqāṣidihā* yang berkaitan dengan niat. Niat mempunyai kedudukan penting dalam kajian Islam, khususnya kajian berkaitan fiqh.

Tidak dinafikan wujudnya kajian-kajian lepas yang ditulis menjelaskan konsep tingkah laku Muslim terutamanya dalam aspek psikologi (Jusoh, 2021; Mohd Aziz, 2020) namun perbincangan tentang perkara tersebut tidak pula dikaitkan dengan pemberian amal dalam Islam. Kepedulian masyarakat terhadap budaya filantropi menunjukkan peningkatan dalam pembangunan wakaf di Malaysia yang sepadan dengan tuntutan kebertanggungjawaban yang lebih besar kepada masyarakat. Namun, kebanyakan masyarakat terutamanya entiti korporat masih berfikir panjang dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dalam bentuk filantropi kerana kepincangan dalam perancangan dan pengurusan strategik wakaf korporat yang menyebabkan filantropi sebagai mekanisme CSR (Che Omar et al., 2018).

Beberapa aspek yang mendorong pengamal CSR untuk melakukan kebajikan sosial dengan menitikberatkan empat elemen yang mendorong entiti korporat melakukan tanggungjawab sosial korporat, antaranya adalah imej korporat, kepuasan pekerja, keuntungan jangka panjang dan pelepasan cukai (Jusoh W. N., 2021), polisi pelepasan cukai antara faktor menyumbang kepada peningkatan sumbangan alumni terhadap universiti (Siti Mashitoh Mahamood et. al. 2018). Syarikat korporat mengamalkan CSR kerana kepercayaan terhadap imej, personaliti, nilai, pemikiran agama, tekanan dan galakan daripada pihak berkepentingan kajian (Zainudin, 2020), di samping membawa manfaat yang besar terhadap reputasi dan imej syarikat. Keadaan ekonomi negara yang baik serta menyumbang kepada peningkatan pendapatan individu adalah signifikan mempengaruhi sikap menderma. Oleh sebab kebanyakan syarikat korporat cenderung melakukan CSR atas faktor ganjaran bersifat ekstrinsik yang akan mempengaruhi reputasi, keuntungan, imej, insentif ke atas sesebuah entiti korporat, satu konsep CSR yang mengamalkan filantropi berdasarkan prinsip Syariah sangat diperlukan dengan mengaplikasikan kaedah *fiqhīyyah al- umūr bi maqāṣidihā* terhadap faktor niat.

Konsep Niat dalam Islam

Niat dari sudut bahasa berasal dari bahasa Arab *nawaa-yanwi-niyyatan*. Lafaz ini mempunyai beberapa makna, di antaranya ialah *al- qāṣdu* (suatu maksud atau tujuan) dan *al-hifzu* (penjagaan). Dari sudut istilah, para ulama berbeza pendapat dalam mendefinisikan niat. Ibnu Abidin (1966) menyatakan niat adalah keinginan untuk melaksanakan ketaatan dan pendekatan diri kepada Allah s.w.t ketika melakukan sesuatu perbuatan. Imam al-Qarāfi (1994) meletakkan niat sebagai suatu tujuan dari suatu perbuatan yang hendak dilakukan oleh seorang manusia.

Imam al-Nawawī (1928) menjelaskan niat adalah kehendak yang kuat di dalam hati untuk menjalankan sesuatu amalan wajib atau selainnya, manakala, Imam al-Suyutī (1995) niat adalah keinginan yang ditujukan kepada suatu perbuatan dalam rangka memperoleh keredaan Allah s.w.t dan melaksanakan hukum-Nya. Niat adalah keupayaan yang kuat di hati untuk menjalankan ibadah dengan tujuan mendekati kepada Allah s.w.t. Dilihat bahawa pendapat-pendapat mazhab berkaitan niat dari sudut neraca syarak tidak jauh berbeza antara satu sama lain yang membawa kepada keazaman yang kuat untuk melakukan ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t seiring dengan pandangan Ibn Qayyim, niat adalah maksud dan tekad untuk mengerjakan sesuatu di dalam hati dan tidak berkaitan dengan lisan. Sebagaimana yang terdapat dalam hadis Nabi Muhammad s.a.w sebagai berikut:

Maksudnya: "Dari 'Umar bin al-Khaṭāb r.a. katanya, Rasulullah S.A.W. telah bersabda: Bahawasanya segala amalan itu adalah dengan niat dan setiap

orang mendapat pahala berdasarkan apa yang ia niatkan. Sesiapa yang berhijrah kerana Allah S.W.T dan RasulNya S.A.W, maka hijrahnya itu adalah kerana Allah S.W.T dan RasulNya S.A.W. Sesiapa yang berhijrah kerana dunia yang akan diperolehinya atau kerana perempuan yang ingin dikahwininya, maka hijrahnya itu adalah kepada apa yang dia niatkan."

(HR. Bukhari)

Umar Sulaiman (2006) menjelaskan bahawa syarak telah mengkhususkan niat sebagai keinginan melakukan sesuatu untuk mendapatkan reda Allah S.W.T.

Kedudukan Niat dalam Ibadah dan Perkara yang Harus (Mubah)

Niat merupakan faktor penting dalam ibadah. Ibadah dinilai sebagai kurang sempurna atau tidak sah, sekiranya dilakukan tanpa adanya niat. Niat juga merupakan elemen penting dalam menjadikan sesuatu ibadah itu diterima atau ditolak.

Dari sudut fiqh, niat menjadi syarat utama sah atau batal sesuatu perkara dan amalan yang tidak disertai niat itu tidak mendatangkan apa-apa kesan. Perbuatan-perbuatan manusia mempunyai nilai dan kedudukannya menurut neraca hukum syarak. Secara umum, niat diperlukan dalam menentukan bentuk dan jenis ibadah seperti puasa dan solat. Sebagai contoh, niat dapat membezakan jenis sesuatu solat sama ada solat fardu seperti Subuh, Zuhur dan Asar atau solat sunat seperti solat sunat Dhuha, Rawatib dan sebagainya (al-Suyutī, 2013). Oleh itu, peranan niat diperlukan bagi menentukan bentuk dan jenis yang perlu dilakukan, begitu juga dengan ibadah-ibadah yang lain.

Niat sebagai salah satu taklif berkaitan dengan amalan hati, dihukum secara berbeza bergantung dengan perbuatan yang hendak dilakukan. Tindakan manusia berkaitan dengan niat di hati, boleh dibahagikan kepada tiga jenis iaitu; perbuatan yang harus (*mubah*), meninggalkan yang haram dan melakukan perbuatan yang diperintahkan oleh Syariat. Perbuatan manusia terikat dengan hukum *taklifi* yang lima iaitu, wajib, sunat, harus, makruh dan haram. Hakikat perkara-perkara harus (*mubah*) juga dikira ibadah dan beroleh pahala sekiranya perbuatan tersebut tidak menyalahi larangan Allah s.w.t Ia juga boleh termasuk dalam amal kebaikan untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah s.w.t Di dalam *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, disebutkan:

المباح لا يتقرب به إلى الله تعالى فلا يفتقر إلى النية

Maksudnya: Perbuatan yang harus (*mubah*) pada dasarnya adalah adat kebiasaan dan tidak termasuk dalam urusan ibadah untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t maka perbuatan tersebut tidak memerlukan kepada niat.

Para ulama menunjukkan bahawa perbuatan- perbuatan yang hukum asal adalah *mubah* tidak disyaratkan niat ke atas perbuatan tersebut. Perbuatan-perbuatan harus dalam hukum syarak dikenali sebagai *al-umūr al-mubāhah*, iaitu sesuatu perkara yang tidak berdosa jika ditinggalkan dan tidak ada ganjaran jika dilakukan seperti: makan, minum, perbelanjaan, tidur dan sebagainya (Rushdi Ramli, 2010). Namun, perkara-perkara harus (*mubah*) ini boleh juga dilakukan untuk mendapatkan ganjaran apabila dilakukan dengan niat yang baik kerana Allah s.w.t.

Penjelasan Imam al-Sayūṭī (2013) dan Imam al-Qarāfī (2010), menggabungkan niat dalam ibadah dengan perkara yang harus tidak termasuk di bawah kategori riyak. Oleh itu, dalam hal ini puasa dan berniat untuk kesihatan badan atau kaedah perubatan, maka puasanya itu dianggap sah dan tidak membatalkan puasa. Menurut Imam al-Qarāfī (2010), niat untuk mendapatkan manfaat duniawi dalam ibadah tidak mendatangkan dosa atau membatalkan ibadah namun akan menyebabkan berkurangnya pahala yang diperolehi atau sebaliknya. Ini jelas dapat dilihat dalam bab jihad ikhlas kerana Allah s.w.t dan berniat mendapatkan habuan dunia pada masa yang sama melalui rampasan harta (*ghanimah*) adalah tidak bersalahan jika dibandingkan dengan mereka yang berjihad untuk dikenali sebagai seorang yang berani di hadapan pemerintah, tergolong dalam kategori riyak.

Metodologi Kajian

Metodologi kajian ini berbentuk kajian kualitatif. Pengkaji menggunakan kaedah dokumentasi, iaitu data dikumpulkan dengan merujuk kepada kitab-kitab fiqh dan kaedah *fiqhīyyah*, prosiding persidangan, jurnal, dan artikel yang berkaitan dengan filantropi dalam Islam. Analisis data dijalankan dengan menggunakan metod deduktif melalui pemahaman dalil-dalil syarak dan pendapat-pendapat ulama berkaitan dengan isu kajian ini. Data-data yang terkumpul melalui deduktif ini dianalisis bagi menjelaskan status nilai ibadah dalam tanggungjawab sosial korporat berasaskan kaedah *al-umūr bi maqāsidihā*. Kaedah *fiqhīyyah* ini diaplikasikan dalam menggabungkan niat antara ibadah dengan perkara yang harus (*mubah*) terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi.

Dapatan dan Perbincangan

Kedudukan Niat dalam Muamalat

Dalam muamalat Islam, niat tidak boleh dipisahkan dari aspek ibadah. Kedua-dua aspek tersebut perlu disepadukan dalam kehidupan masyarakat Islam secara seimbang dan harmoni. Muamalat dan ibadah merangkumi aspek *habl min Allah* dan aspek *habl min al-nas* dalam usaha untuk mencapai kehidupan yang sejahtera dari segi fizikal dan mental sama ada di dunia mahupun di akhirat. Niat dalam urusan muamalat atau transaksi lain pada umumnya termasuk dalam salah satu kaedah sesuatu yang dipertimbangkan dalam akad-akad (transaksi) adalah maksud dan maknanya, bukan pada ucapan dan rangkaian kata-katanya.

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني

Maksudnya: Perkara yang diambil kira di dalam akad atau kontrak adalah maksud dan kandungan maknanya bukan dengan lafaz dan binaannya.

Menurut Ibn Nujaīm (1999) menjelaskan bahawa wakaf, hibah, atau wasiat tidak bergantung kepada niat. Sesuatu ibadah wasiat yang diikuti dengan niat untuk mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, maka, dia akan beroleh pahala, namun dalam kebanyakan fuqaha menyatakan sekiranya tiada niat mendekatkan diri kepada Allah s.w.t, maka ibadah hibah atau wasiat tersebut hanya dihukum sebagai sah sahaja. Begitu juga dengan ibadah wakaf, jika seseorang berniat untuk mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah s.w.t, maka dia beroleh ganjaran pahala, akan tetapi sekiranya ibadah wakaf dilaksanakan tanpa niat *taqarrub* maka ibadah wakaf dianggap sah sahaja tanpa peroleh pahala ke atas niat. Ibadah berkaitan dengan amalan yang dikhususkan kerana Allah s.w.t, sedangkan muamalat melibatkan hubungan sesama manusia untuk kepentingan mereka (Zaidan, 1999) sebagaimana dalam konsep CSR.

Tanggungjawab Sosial Korporat dari Sudut Filantarofi

Pelaksanaan CSR melalui filantropi juga memainkan peranan dalam memberi keadilan sosial kepada masyarakat. Instrumen wakaf yang menggabungkan ciri-ciri dermawan dan kebajikan sosial yang berperanan dalam menyampaikan perkhidmatan sosial dari segi pendidikan, kesihatan, penyelidikan dan lain-lain mengikut panduan Islam (Man, Wahab, & Hamid, 2014). Dalam Islam, tanggungjawab merupakan sebahagian daripada ajaran agama Islam yang disebut *mas'ūliyyah*. Tanggungjawab manusia dapat dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu tanggungjawab kepada Allah s.w.t, tanggungjawab kepada masyarakat dan tanggungjawab kepada alam sekitar. CSR dari sudut konvensional mempunyai kekurangan pada konsep dan definisi malahan terdapat beberapa kesukaran dalam memahami garis panduan oleh organisasi sukar difahami dan dipraktikkan. (Hizam, 2019). Oleh itu, penelitian konsep CSR dari sudut keagamaan sangat diperlukan bagi menyimpulkan satu konsep yang kukuh dan dapat difahami dengan jelas berkaitan dengan tanggungjawab organisasi terutamanya bagi organisasi Islam. Menurut Boheran Nudin (2016), satu rangka kerja dalam melaksanakan CSR bagi organisasi korporat Islam seharusnya dirancang bagi melaksanakan tanggungjawab mereka berdasarkan obligasi dari ajaran syariah yang boleh dilihat sebagai tanggungjawab wajib (*obligatory responsibility*) dan tanggungjawab sunat (*recommendable responsibility*).

CSR dari sudut pandangan Islam terhasil daripada integrasi pandangan rohani berdasarkan sumber yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah ke dalam kerangka CSR yang boleh diklasifikasikan kepada tiga cabang iaitu, interaksi manusia dengan Allah s.w.t, interaksi manusia sesama manusia dan interaksi manusia dengan alam sekitar (Boheran Nudin, 2016). Islam merupakan salah satu agama yang menitikberatkan nilai-nilai sosial tanpa mengabaikan solat. Elemen-elemen CSR yang wajar diterapkan dengan pendekatan kerohanian terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Al-Quran menyepadukan tujuan dan makna solat dalam nilai sosial. Selain diberi nilai keimanan kepada Allah s.w.t, al-Quran juga menekankan bahawa akidah tidak sempurna jika tidak menjalankan amalan sosial dalam bentuk penjagaan dan khidmat kepada kaum kerabat, orang miskin, musafir, anak yatim dan golongan yang memerlukan bagi memastikan kebajikan mereka yang terjaga.

Dalam Islam, individu atau organisasi korporat mempunyai tanggungjawab etika dalam amalan perniagaannya terhadap masyarakat. Sesebuah syarikat itu merangkumi norma agama Islam yang ditandakan dengan nilai kerohanian untuk mengekalkan kontrak sosial dalam operasi mereka (Norajila, 2010). Nilai kerohanian membolehkan manusia mempunyai akhlak dan tingkah laku yang baik serta memelihara sesuatu nilai itu walau apa juga perubahan yang berlaku pada persekitarannya. Oleh itu, ikatan kerohanian ini perlu diberi perhatian dan dibincangkan dengan teliti tentang komitmen terhadap standard moral dan juga norma-norma sosial berasaskan kepada prinsip syariah. Yusuf al-Qaradawi (1997) menegaskan, Islam memandang tinggi terhadap usahawan yang berjaya serta berpegang teguh kepada prinsip agama, malah mereka layak digelar sebagai pejuang di jalan Allah s.w.t. Ini kerana, dalam keghairahan mengejar keuntungan, adalah terlalu mudah bagi golongan usahawan untuk mengabaikan ajaran agama, malahan kadangkala mereka mungkin lalai terhadap soal halal dan haram. Pelaksanaan CSR yang dilakukan berasaskan kepada lunas keimanan dan nilai kemanusiaan berbanding nilai kebendaan, bukan sahaja pada perkhidmatan dan faedah, jumlah pemilikan produk, cara mendapatkan dan menggunakannya telah dihadkan oleh peraturan halal dan haram oleh syarak.

Implikasi Amalan Tanggungjawab Sosial Korporat Terhadap Amalan Filantropi Berasaskan Kaedah *Al-Umūr Bi Maqāṣidihā*

Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) merupakan satu mekanisme yang berpotensi untuk mewujudkan pembangunan dan masyarakat yang sejahtera. Mekanisme tanggungjawab sosial korporat ini dilaksanakan melalui pendekatan wakaf korporat oleh syarikat multinasional atau syarikat korporat. Inisiatif wakaf korporat di Malaysia dipelopori Johor Corporation (JCorp) melalui Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur Berhad. JCorp adalah konglomerat milik kerajaan Johor melaksanakan model wakaf korporat untuk menggabungkan aktiviti perniagaan dengan usaha dermawan.

Pada hukum asal melakukan perbuatan-perbuatan harus tidak menjanjikan apa-apa ganjaran pahala dari sisi Allah s.w.t dan tidak juga menjanjikan azab bagi sesiapa yang melakukannya. Walau bagaimana pun, ada ketikanya seseorang itu akan memperolehi pahala hasil daripada niat yang baik seiring dengan perbuatan yang dilakukannya. Sebagai contoh, sesiapa yang melakukan aktiviti-aktiviti riadah atau bersukan seara fizikal dengan niat untuk menyihatkan badannya agar dia memiliki kekuatan untuk menghadapi musuh maka aktiviti tersebut melayakkannya memperoleh pahala (al-Zaidan, 2006). Seseorang yang mengerjakan amalan secara *tasyrīk fi al-niyyat* antara perkara ibadah dan perkara harus kemudian berlakunya perkongsian niat di antara keduanya akan beroleh pahala secara mutlak dengan apa yang diniatkannya (al-Kashlan 1999). Jumhur fuqaha berpandangan bahawa apabila berlaku perkongsian niat dalam perkara ibadah dan juga perkara harus (*mubah*), seperti wuduk ataupun mandi bertujuan untuk ibadah dan menyegarkan badan, akan mendapat keduanya sepertimana yang diniatkannya (Ibn Qudamah, t.t). Perkongsian niat ke atas kedua-dua perkara ibadah dan perkara yang harus tersebut tidak akan memberi kesan terhadap niat ibadah.

Tanggungjawab sosial korporat dari sudut filantropi perlu dilihat sebagai satu medium yang bukanlah hanya berpaksikan kepada keuntungan yang maksimum semata-mata, namun mempunyai peranan yang besar dalam memberi sumbangan kepada masyarakat dan pembangunan ekonomi (Mohd Ashmir Wonga, et.al, 2022). Konsep filantropi yang dilaksanakan dalam tanggungjawab sosial korporat memberi maksud keikhlasan menolong dan memberi sebahagian harta, tenaga mahupun idea, secara sukarela untuk kemaslahatan masyarakat (Futaqi, 2018). Filantropi juga sering kali dikaitkan dengan sikap dermawan atau suka membantu yang bersifat jangka panjang sinonim dengan konsep wakaf dalam Islam yang lebih tertumpu kepada pemberian jangka panjang yang menuju kepada akar permasalahan iaitu penyebab kepada kemiskinan atau ketidaksetaraan (Fauzia, 2017) serta memberi manfaat berpanjangan di dunia dan akhirat.

KEADAAN	INDIKATOR <i>TASYRIK FI AL-NIYYAH</i>	KESAN NIAT
CSR terhadap amalan filantropi semata-mata kerana Allah s.w.t	Niat tujuan kerana Allah s.w.t semata-mata	Dikira sebagai ibadah
CSR terhadap amalan filantropi kerana Allah s.w.t dan mengharapkan manfaat duniawi	Niat tujuan kerana Allah lebih utama berbanding tujuan lain	Dikira sebagai ibadah
	Niat tujuan kerana Allah s.w.t sama kuat dengan tujuan lain	Tidak dikira sebagai ibadah
	Niat tujuan selain Allah s.w.t lebih kuat berbanding tujuan kerana Allah s.w.t	Tidak dikira sebagai ibadah

CSR terhadap amalan filantropi semata-mata untuk mengharapkan manfaat duniawi.	Niat semata-mata untuk mengharapkan manfaat duniawi.	Tidak dikira sebagai ibadah
--	--	-----------------------------

Jadual 2 Analisis Implikasi Pelaksanaan CSR Terhadap Amalan Filantropi Berasaskan Indikator *Tasyrik Fi Al-Niyyah*

Jadual 2 menunjukkan implikasi perkara-perkara yang harus (*mubah*) seperti amalan filantropi dalam CSR mampu memberi implikasi terhadap nilai ibadah seseorang individu. Islam sangat mementingkan niat dalam setiap perbuatan atau amalan individu kerana sesuatu perbuatan yang harus atau adat kebiasaan sebagaimana pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat bagi sesebuah syarikat, ia boleh berubah menjadi suatu nilai ibadat padanya. Jika dibandingkan dengan konsep tanggungjawab sosial korporat dari sudut Barat, pelaksanaan CSR ini dilakukan atas tuntutan syarikat dan bagi mencapai keuntungan bersama tanpa menitikberatkan larangan muamalat dalam pelaksanaan CSR. Begitu juga, sekiranya dikaji niat dalam teori Barat, teori niat sedia ada seperti TPB lebih kepada bertindak sebagai mediator dan bukan sebagai faktor utama sesuatu tingkah laku. Namun, niat dalam Islam menggariskan mekanisme pelaksanaan CSR yang memberi kesan sesuatu niat bagi perkara yang harus (*mubah*) mampu menjadi ibadah diterima sekiranya menepati syarat bahawa amalan-amalan CSR tersebut dilakukan ikhlas kerana Allah s.w.t serta menepati hukum syara'. Niat dan hubungannya dalam CSR lebih seimbang dan bersesuaian dengan penekanan terhadap kerohanian dalam setiap kontrak berdasarkan kaedah *fiqhīyyah al- umūr bi maqāsidihā*. Pelaksanaan CSR mengharapkan manfaat duniawi yang tidak bertentangan dengan Syariat, mengikut kepada kaedah *fiqhīyyah al- umūr bi maqāsidihā* tidak menjadi bersalahan dengan syarak melainkan syarat menjadi keutamaan niat dengan tujuan dan matlamat mencari keredhaan Allah s.w.t mengatasi niat untuk mendapat keuntungan atau manfaat dunia.

Kesimpulan

Islam telah menggariskan panduan yang jelas berkaitan persoalan perbuatan-perbuatan manusia menurut neraca syarak iaitu sama ada perbuatan yang harus mampu dinilai sebagai ibadah atau kekal sebagai perkara-perkara yang harus (*mubah*). Penggabungan niat terhadap perkara ibadah dan perkara yang harus (*mubah*) dalam pelaksanaan CSR boleh diiktiraf sebagai ibadah atau adat bergantung kepada niat dan amalan CSR itu sendiri. Sekiranya tidak wujud larangan Allah s.w.t dalam pelaksanaan program CSR dengan seiring niat untuk melaksanakan tuntutan Syarak mengatasi niatnya untuk memperoleh manfaat kebaikan lain melalui perbuatan tersebut, maka perbuatan itu dapat dikategorikan sebagai ibadat dan akan mendatangkan kebaikan yang banyak kepada pelakunya. Hukum-hukum syarak ini bertepatan dengan perbuatan-perbuatan manusia samada baik ataupun buruk, yang memungkinkan manusia memperoleh keredaan Allah s.w.t ataupun sebaliknya, sebagai perbuatan harus, yang tidak dapat dikaitkan dengan pahala ataupun dosa. Pengaruh niat yang baik dalam pelaksanaan CSR dapat menstabilkan pembangunan ekonomi dalam perniagaan Islam sesuai dengan konsep filantropi dalam Islam. Komitmen untuk mengekalkan kontrak sosial dengan niat yang baik adalah salah satu tanda norma Islam dalam operasi perniagaan syarikat selain pencapaian keuntungan dalam perniagaan kerana Islam tidak mengabaikan aspek duniawi dan ukhrawi.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA (UiTM), Perlis, Malaysia, yang telah menganjurkan Virtual Konferensi Sains, Etika dan Peradaban (KONSEP 2024) pada 30 Mei 2024.

Rujukan

- Abu al-Hasan ‘Ali bin ‘Umar al-Daraqutni. (2008). *Sunan al-Daraqutni*, ed. Syu‘aib al-Arna’ut . Beirut: Al Maktabah Al-Assya.
- Abd. Shakor Borham, S. M. (2013). Wakaf Korporat Johor Corporation Dan Sumbangannya Dalam Memenuhi Tanggungjawab Sosial Islam Di Malaysia: Satu Tinjauan. *Journal of Techno-Social*, 5(2). , 61–74.
- ‘Abd al-Karim Zaydan (2006), *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Beirut: Mu’assasah al-Risalah Nasyirun, h. 23.
- Abdullah, M. A., & Hussin, M. F. (2021). Model Niat Untuk Berjaya Dalam Kalangan Perusahaan Kecil Sederhana Muslim: Tinjauan Berdasarkan Kepada Pendekatan Teori Kelakuan Terancang (TPB). *International Journal of Islamic Business*, 6(1), 1-14.
- Al-Bahuti, Manshur bin Yunus Al-Hanbali, *Kasyshaaful Qanaa’ ‘anil Iqna’*, (Kerajaan Saudi Arabia: Wizaratul ‘adl, 1429.
- al-‘Izz Ibn ‘Abd al-Salām (1980). *Qawāid al-Ahkām Fi Mashālih al-Ānām*. Dar al-Jail.
- al-Kashlan, K. (1999). *al-Tadakhul baina al-Ahkam fi al-Fiqh al-Islami*. Saudi Arabia: Dar Isbiliya.
- al-Qarāfī, S. A. (1994). *adz-Dzakhirah*,. Beirut: Dar al-Gharb al-Islami.
- al-Qarāfī, Ahmad bin Idris bin ‘Abd al-Rahman al-Sanhaji al-Maliki (2010). *Anwar al-Buruq fi Anwa’ al-Furuq*. Jilid 2. Arab Saudi: Wizarah alShu’un al-Islamiyyah wa al-Awqaf wa al-Da’wah wa al-Irshad
- al-Qurtubi, A. M. (2006). *Al-Jāmi’ Li Ahkām Al-Qur’an*. Beirut: Lubnan: Muassasah al-Risālah.
- Al-Nawawi, Muhyiddin bin Syaraf Abu Zakariya.(1928). *Al-Majmu’ Syarhul Muhadzdzab*. Kairo: Idarahuth Thiba’ah Al-Munirah.
- Al-Suyūṭī, Jalal al-Din (1983). *Al-āsybah wa al-Nazā’ir fi Qawā’id wa Furu’ Fiqh al-Shafi’iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Boheran Nudin, A. M. (2016). Analisis Faktor Dan Cabaran Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Islam. *Journal of Social Science*, 2(1), 75-86.
- Cherian, Jacob., Umar, M., Thu, P. A., Nguyen-Trang, T., Sial, M. S., & Khuong, N. V (2019). Does corporate social responsibility affect the financial performance of the manufacturing sector? Evidence from an Emerging Economy. *Sustainability, MDPI, Open Access Journal*,, vol. 11(4), 1-14.
- Chew, B. E., & Abdul Adis, A. A. (2018). A study on Malaysian consumers’ attitude and behavioral intention towards print advertising. *International Journal of Marketing Studies*, 10(2), 132-150.
- Che Omar, S. N. A., & Mat Hussin, M. N. (2018). Pemakaian Kaedah-Kaedah Fekah dalam Institusi Fatwa di Wilayah Persekutuan Dari Tahun 2010-2014. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 5(3), 37-64.
- Futaqi, S., Machali, I. (2018). Pembiayaan Pendidikan Berbasis Filantropi Islam: Strategi Rumah Pintar BAZNAS Piyungan Yogyakarta. *Manageria: Jurnal Manajemen Pendidikan Islam*, 3(2), 231-256.
- Fauzia, A. (2017). Islamic Philanthropy in Indonesia: Modernization, Islamization, and Social Justice. *Austrian Journal of South-East Asian Studies*, 10(2), 223-236.

- Hizam, S. M., Othman, Z. I. S. B., Amin, M. M., Zainudin, Z., & Fattah, M. F. A. (2019). Corporate social responsibility in Malaysia. *International Journal of Financial Research*, 10(5), 381-386
- Ibn Qudamah, 'Abd Allah Ibn Ahmad Ibn Muhammad.(t.t).*al-Mughni li Ibn Qudamah*. Juz.5. Mesir: Matba'ah al-Amin
- Ibn Nuja'im, Zayn al-Din bin Ibrahim bin Muhammad (1999). *Al-Āshbah wa al-Naẓa'ir 'ala Madhhab Abi Hanifah al-Nu'man*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Irsyad Al-Fatwa Khas Ramadhan Siri Ke-160: : Adakah Sah Puasa Jika Diniatkan Juga Untuk Menyihatkan Badan?2020 <https://Muftiwp.Gov.My/Ar/Artikel/Irsyad-Fatwa/Edisi-Ramadhan/4450> Irsyad-Al-Fatwa-Khas-Ramadhan-Siri-Ke-160-Adakah-Sah-Puasa-Jika Diniatkan-Juga-Untuk-Menyihatkan-Badan
- Jusoh, Ahmad Tarmizi, Mohamad Abdul Hamid. Samsudin Wahab. (2021) Kajian Empirikal Pengaruh Teori Gelagat Terancang Terhadap Niat Untuk Membuat Hibah. *Jurnal Dunia Pengurusan* 3.4 (2021): 20-31.
- Kementerian Wakaf Kuwait, *al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*, Malik bin Anas, *al-Mudawwanah al-Kubra* (t.tp: Dar al-Fikr, n.d.).
- Muhammad Adam Senin, Harliana Halim, Al Amirul Eimer Ramdzan Ali. (2019). Corporate Social Responsibility (CSR) for Education in Malaysia: A Systematic Literature Review. *International Journal of Psychosocial Rehabilitation*, Vol. 23, Issue 03, 631-637.
- Mohd Aziz, Mohd Khairul Nizam and Nordin, Rawi and Suyurno, S. Salahudin and Mustafar, Mohd Zaid and Md Sharipp, Muhammad Taufik and Mohd Noor, Muaz (2020). Conceptual Framework of Muslim Philanthropy Behavior." *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* 2.1: 23-32.
- Mohd Syahmir Alias, Mohammad Zulfakhairi Mokhtar, Khairul Bariyah Othman, Abang Mohd Razif Abang Muis, Musmuliadi Kamaruding (2019). *Signifikan Niat dalam Melaksanakan Penyelidikan Islam*. *Jurnal Maw'izah*, 2(1), 1-13.
- Mohd Ashmir Wonga, M. S., Harun, N. H., Moidin, S., & Mamat, N. (2022). Mengadaptasi Tanggungjawab Sosial Korporat Dari Sudut Filantropi oleh Hotel Patuh Syariah di Malaysia: satu kerangka konsep. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)*, 4(1), 1-13.
- Norajila Che Man (2010). Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat: Implikasi Dan Keberkesanannya Kepada Masyarakat. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V JILID 2*, (pp. 210 – 218). Port Dickson, Negeri Sembilan
- Othman, M. A., Ismail, I., & Bakar, I. A. (2014). Kehendak Manusia: Justifikasi dan Pengkategorian Berdasarkan Tanggungjawab. *Islamiyyat*, 36(1), 57.
- Rahisam Ramli (2010). Nilai Ibadat Dalam Perbuatan-Perbuatan Harus (*Al-Af'al Al-Mubahah*): Tinjauan Terhadap Pemikiran Imam Ahmad Ibn Taymiyyah. *Jurnal Fiqh*, 7, 149-166.
- Sahid, Mualimin Mochammad, Fettane Amar, dan Ahmad Syukran Baharuddin. (2020) Aplikasi Kaedah-Kaedah Fiqh Dalam Isu-Isu Semasa Pandemik Covid-19. *Insla E-Proceedings* 3.1: 535-543.
- Siti Mashitoh Mahamood et. al. 2018. Pembentukan Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Wakaf di Malaysia: Cadangan Model Pelaksanaannya. *Jurnal Syariah* 26: 1-22.
- Umar Sulaiman. (2006). *Fiqih Niat*. Jakarta: Gema Insani
- Yusuf al Qardawi. (2016) *Halal dan Haram dalam Islam*. Kuala Lumpur: PTS
- Zaidan, A.K. (1999). *al-Madkhal li Dirāsah al-Shari'ah al-Islamīyah*. Beirut: Al-Resalah 'Publishers.

Zainudin, N. H. (2020). Pengaruh Peletakan Pasaran Institusi Pengajian Tinggi Terhadap Wakaf Pendidikan. *Management Research Journal*, 9(1), , 28-39.